



NUR HUSAINI Bokhari menunjukkan ikan baung yang mati disebabkan pencemaran di Sungai Tanjung Air Hitam, Pontian.

# Sungai Tanjung Air Hitam tercemar lagi

UM 25/7/24 pg 30

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PONTIAN:** Sungai Tanjung Air Hitam, Kayu Ara Pasong, di sini yang menjadi punca rezeki 50 nelayan dan 11 pengusaha bot kembali tercemar seperti yang berlaku pada 2019.

Penduduk mendakwa pencemaran berlaku di kawasan Bukit Batu di Kulai menyebabkan air yang tercemar mengalir ke hilir sehingga ke Sungai Tanjung Air yang kaya dengan pelbagai spesies udang galah dan ikan.

Seorang pengusaha bot, Muhammad Afiq Mat Ali, 35, berkata, pencemaran dikesan pada 21 Julai lalu menyebabkan perkhidmatan sewaan bot kepada

da pemancing terhenti seketika dan banyak udang galah dan ikan mati sehingga menyebabkan bau busuk.

Dia dan 10 lagi pengusaha bot juga mengalami kerugian kerana tiada penyewa yang menggunakan perkhidmatan bot tersebut.

“Kami menyewakan bot dengan kadar antara RM80 hingga RM120 sehari, sudah empat hari kami tidak memperoleh sebarang pendapatan disebabkan air sungai kotor dan berbau. Bukan sahaja udang galah, ikan seperti baung juga didapati mati dan terapung akibat pencemaran yang mungkin disebabkan kegiatan industri di bahagian hulu sungai ini,” katanya ketika ditemui *Utusan*

Malaysia di Kampung Tanjung Air Hitam, di sini.

Muhammad Afiq menganggarkan kerugian yang ditanggung oleh pengusaha bot bagi tempoh empat hari kira-kira RM6,000 dan jika berlurut selama dua minggu boleh mencapai RM20,000.

Seorang pemancing, Nur Hussaini Bokhari, 29, berkata, terdapat kira-kira 50 pemancing udang galah berpangkalan di Sungai Tanjung Air Hitam yang menjadikannya sebagai sumber pendapatan utamā.

Setiap pemancing mampu memperoleh kira-kira dua kilogram (kg) udang galah dengan memperoleh pendapatan RM150 sehari.